



Susur Galur, Isu dan Cabaran Pendidikan Moral di Malaysia: Satu Sorotan Kajian

Solumuthu, Kogindran^{1*} & Thambu, Nadarajan²

^{1, 2} Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

*Corresponding author email: kogin79@yahoo.com

DOI: <https://doi.org/10.53797/aspen.v2i2.1.2022>

Available online 20 September 2022

ABSTRACT

Moral Education has been a core subject in Malaysian education curriculum since 1983. A total of 48 articles covering theses, conference papers and research articles were reviewed. This article discusses the history of the development of the Moral Education curriculum and examines the issues and challenges related to Moral Education in Malaysia. The curriculum development and changes due to current developments and government policies. The philosophy and the context of a multi-racial society is the main core that underlies the transformation of the Moral Education curriculum in Malaysia. The objective of the study is to look at the development of the Moral Education curriculum, examine the issues and challenges of Moral Education in Malaysia. This study is a qualitative in nature using library research approach. The authors have critically analyzed past studies specifically related to this matter and put forward some suggestions that can facilitate the implementation of the Moral Education curriculum in the classroom. The study had found that the need to conduct in-depth studies on the development, issues and challenges of the Moral Education curriculum to ensure that the Moral Education curriculum remains relevant in Malaysian education system and able to produce human of noble character.

Keywords: Moral Education, Curriculum, Issue, Challenges, Development

ABSTRAK

Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras dalam kurikulum pendidikan di Malaysia sejak tahun 1983. Sebanyak 48 artikel merangkumi tesis, kertas persidangan dan artikel penyelidikan telah disemak. Artikel-artikel yang dipilih membincangkan sejarah perkembangan kurikulum Pendidikan Moral dan meneliti isu-isu serta cabaran yang berkaitan dengan Pendidikan Moral di Malaysia. Perkembangan kurikulum ini berubah mengikut perkembangan semasa dan dasar kerajaan. Falsafah dan konteks masyarakat berbilang bangsa menjadi teras utama yang mendasari transformasi kurikulum Pendidikan Moral di negara kita. Objektif kajian adalah untuk melihat perkembangan kurikulum Pendidikan Moral, mengupas isu-isu serta cabaran Pendidikan Moral di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian perpustakaan. Penulis telah menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan dan mengemukakan beberapa cadangan yang dapat melancarkan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Moral di dalam bilik darjah. Hasil sorotan literatur mendapati bahawa keperluan bagi menjalankan kajian-kajian yang mendalam tentang perkembangan, isu dan cabaran kurikulum Pendidikan Moral diteruskan pada masa hadapan bagi memastikan kurikulum Pendidikan Moral kekal relevan serta mampu melahirkan insan yang berakhlak mulia.

Kata Kunci: Pendidikan Moral, Kurikulum, Isu, Cabaran, Perkembangan

1. Pengenalan

Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras bagi murid-murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah (Chang, 2010). Murid bukan Islam merujuk kepada pelbagai penganut agama di Malaysia seperti Kristian, Hindu, Buddha, Taoism, Sikhism dan penganut animisme dan paganism. Manakala murid yang beragama Islam pula mempelajari Pendidikan Islam (Vishalache, 2010). Justeru, mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam mempunyai persamaan dari segi aspek matlamat iaitu membangunkan masyarakat yang berdisiplin, beretika dan bersatu

(Laporan Kabinet, 1979). Bagi membentuk generasi yang berdisiplin dan hidup secara harmonis, Jawatankuasa Kabinet 1979 (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979) menyarankan agar murid beragama Islam mempelajari Pendidikan Islam manakala murid bukan Islam harus diajar Pendidikan Moral berdasarkan nilai-nilai universal yang dimuktamadkan hasil daripada tinjauan yang dijalankan melibatkan responden daripada kumpulan sukarela, badan keagamaan, pengurusan sekolah, para guru, pensyarah-pensyarah kolej dan universiti di seluruh Malaysia (Mukherjee, 1983). Nilai-nilai murni ini diambil daripada nilai keagamaan, tradisional dan budaya pelbagai etnik yang selari dengan nilai moral sejagat.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan menggunakan pendekatan kajian perpustakaan. Gerak kerja bagi kajian ini dimulakan dengan pengumpulan artikel penyelidikan mengenai kurikulum Pendidikan Moral dan artikel berkaitan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia. Jurnal-jurnal berwasit merupakan pilihan utama dalam memilih artikel penyelidikan bagi kajian ini. Pangkalan data elektronik Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menjadi salah satu alat carian bagi kajian ini yang memberi akses kepada tesis-tesis menerusi *UPSI Digital Repository (UDRep)*. Pangkalan data atas talian *Google Scholar* merupakan alat carian dominan yang digunakan dalam pencarian artikel-artikel penyelidikan. Pencarian artikel-artikel menggunakan pangkalan data atas talian ini menggunakan kata-kata kunci seperti Pendidikan Moral, kurikulum, isu, cabaran dan perkembangan. Sebanyak 48 artikel berkaitan dengan kajian ini telah dipilih daripada carian sejumlah 310 artikel. Pengumpulan data dilakukan melalui sumber primer dan sekunder. Kesemua sumber-sumber ini diperoleh secara atas talian kecuali buku-buku teks Pendidikan Moral. Sumber primer yang digunakan adalah buku-buku teks Pendidikan Moral serta dokumen-dokumen kurikulum seperti Huraian Sukatan Pelajaran (HSP), Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Sumber sekunder pula merangkumi jurnal-jurnal, kertas-kertas persidangan, dokumen dan tesis. Untuk tujuan penganalisisan data, penulis menggunakan kaedah analisis teks.

3. Analisis Literatur

Kurikulum Pendidikan Moral telah berkembang sejak pengenalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983. Perkembangan kurikulum ini berubah mengikut perkembangan semasa dan polisi kerajaan. Falsafah dan konteks masyarakat berbilang bangsa menjadi tunjang utama yang mendasari transformasi kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia. Setelah melalui tiga era perubahan kurikulum secara holistik, kurikulum Pendidikan Moral juga tidak terlepas daripada beberapa isu serta cabaran yang sedikit sebanyak memberi kesan kepada pelaksanaan kurikulum Pendidikan Moral di sekolah. Analisis literatur memfokuskan perkembangan kurikulum Pendidikan Moral sejak zaman kemerdekaan sehingga pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Selain itu, isu serta cabaran kurikulum Pendidikan Moral juga dikupas secara spesifik di dalam bahagian ini.

3.1 Status Pendidikan Moral Zaman Pasca Kemerdekaan (1957-1982)

Sistem pendidikan negara pada zaman pasca kemerdekaan adalah bagi memenuhi aspirasi negara dengan mengutamakan budaya, sosial dan politik negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1979). Menurut Vishalache (2010), Pendidikan Islam menjadi mata pelajaran wajib kepada murid-murid Islam namun kelonggaran diberikan untuk mengajar agama dan etika lain mengikut keperluan sekolah dan bukannya suatu dasar kurikulum negara pada waktu itu. Pendidikan Moral juga tidak kelihatan diajar sebagai satu mata pelajaran yang khusus.

Laporan Rahman Talib (1960) yang seterusnya menjadi Akta Pendidikan 1961 memberi penekanan kepada aspek 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Selain itu, wujud dua jenis aliran iaitu aliran akademik dan vokasional pada tahun 60-an dan 70-an. Walaupun Pendidikan Moral masih tidak diajar sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum lama ini, namun kurikulum Pendidikan Islam telahpun wujud pada era pasca-kemerdekaan ini. Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran wajib bagi semua murid yang beragama Islam. Dalam pada itu, pendidikan akhlak juga dititik beratkan.

Rentetan daripada rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, Rukun Negara diperkenalkan pada 31 Ogos 1970. Tujuan utamanya adalah untuk memperkukuhkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Pendidikan Sivik mula diperkenalkan pada tahun 1972 dan merupakan mata pelajaran wajib bagi semua murid dari Darjah 4 hingga ke Tingkatan 5. Bagi pelajar Darjah 1 hingga Darjah 3, elemen-elemen Pendidikan Sivik dimasukkan dalam mata pelajaran utama. Pembentukan kurikulum Pendidikan Sivik adalah berdasarkan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.

Pada tahun 1974, semasa era pembentukan Jawatankuasa Kabinet, satu Jawatankuasa Khas Pendidikan Moral telah dibentuk bagi mengkaji elemen moral di dalam mata pelajaran yang diajar. Namun jawatankuasa khas ini dibubarkan pada tahun 1975 apabila didapati nilai-nilai ini telah pun wujud dalam kandungan kurikulum Pendidikan Sivik (Abdul Rahman & Chang, 1994). Terdapat beberapa isu berkaitan Pendidikan Sivik pada waktu itu. Antaranya, Pendidikan Sivik tidak dipentingkan kerana tiada ujian bagi mata pelajaran ini. Terdapat juga isu di mana waktu Pendidikan Sivik diganti pengajarannya dengan mata pelajaran yang lain. Masalah sosial serta masalah disiplin dalam kalangan remaja menjadi isu nasional (Rosnani, 2007) dan ini telah menghidupkan kembali Jawatankuasa Khas Pendidikan Moral yang diketuai oleh 8 panel yang menghasilkan draf sukatan pelajaran untuk Pendidikan Moral. Selain

itu, jawatankuasa ini juga diwakili oleh pelbagai kumpulan seperti wakil badan keagamaan, wakil badan bukan kerajaan, pihak pengurusan sekolah, universiti dan bahagian-bahagian lain di Kementerian Pendidikan Malaysia (Mukherjee, 1983). Hasil dan input kajian telah diserahkan kepada jawatankuasa utama bagi urusan perbincangan dan pindaan. Seterusnya, mata pelajaran Pendidikan Moral telah menjadi satu matapelajaran baharu yang dimasukkan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

3.2 Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) Pendidikan Moral mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dari Tahun 1 pada tahun 1983 hingga ke tahun 1988. KBSR memberi tumpuan kepada aspek kerohanian, aspek kemanusiaan dan aspek sosial dalam perkembangan menyeluruh seseorang individu yang terdiri daripada latar belakang pelbagai kaum, bangsa, etnik dan agama di Malaysia (Chang, 2010). Murid-murid di peringkat sekolah rendah didedahkan dengan 12 nilai murniberasaskan kepada keunikan kepelbagaian agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia yang berlainan serta selaras dengan nilai universal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1983). Berikut adalah 12 nilai yang mula diajar di peringkat sekolah rendah.

- | | |
|--|-----------------------|
| 1. Kebersihan dari segi fizikal dan mental | 7. Adil |
| 2. Belas kasihan | 8. Kasih sayang |
| 3. Sederhana | 9. Hormat-menghormati |
| 4. Rajin | 10. Bermasyarakat |
| 5. Berterima kasih | 11. Tidak angkuh |
| 6. Jujur | 12. Kebebasan |

Matlamat utama mata pelajaran Pendidikan Moral pada masa itu adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan menyeluruh dari segi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek selain menyemai nilai moral, estetika serta sosial. Penekanan khusus bagi tahap 1 (Tahun 1 hingga Tahun 3) adalah pembentukan nilai-nilai murni dan tingkah laku yang baik. Bagi Tahap 2 (Tahun 4 hingga Tahun 6), pemikiran rasional dan perbincangan dilema moral diberi penekanan tambahan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1983). Di samping itu, Buku Teks Pendidikan Moral menjadi sumber utama proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah rendah. Sehubungan dengan itu, menurut Abdul Shukur (1990), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Buku Teks (BBT) telah membelanjakan hampir 700 juta bagi menjayakan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) sejak dilancarkan pada tahun 1975. Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) membantu murid-murid yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah layak menerima pinjaman buku teks secara percuma. Inisiatif ini memastikan semua murid mendapat peluang pendidikan secara sama rata.

3.3 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 bermula secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 1993. Murid-murid pada peringkat sekolah menengah mempelajari 4 nilai tambahan daripada 12 nilai murni yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah. Penambahan nilai-nilai murni adalah nilai kerjasama, keberanian, rasional dan berdikari. Pada tahun 1993, semua pelajar wajib menjawab kertas Pengetahuan Moral pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (1993). Sumber rujukan utama pada awal pelaksanaan KBSM adalah buku teks. Buku Teks Pendidikan Moral diterbitkan bagi semua murid di peringkat sekolah menengah secara berperingkat-peringkat. Ini sudah tentu membantu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Tambahan lagi, berdasarkan kepada Tajul Ariffin (1993), pengenalan KBSM menggambarkan impian dan dasar kerajaan untuk mencorakkan generasi yang berwibawa dan berdaya saing yang memiliki akhlak yang mulia. Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai utama dan sub-nilai yang mula diajar di peringkat sekolah menengah pada tahun 1989.

Jadual 1: Nilai utama dan sub-nilai KBSM

Bil.	Nilai Utama	Sub-nilai		
1.	Baik hati	1. Belas kasihan	3. Murah hati	5. Sedia memaafkan
		2. Bertimbang rasa	4. Saling faham memahami	
2.	Berdikari	1. Bertanggungjawab	3. Jayadiri	
		2. Berupaya bertindak sendiri	4. Yakin pada diri sendiri	
3.	Hemah tinggi	1. Kesopanan	2. Mengakui kesalahan diri	3. Ramah mesra
4.	Hormat-menghormati	1. Hormat dan taat kepada ibu bapa	6. Hormat kepada keperibadian individu	
		2. Hormat kepada orang yang lebih tua, guru, rakan, jiran tetangga dan pemimpin,	7. Patuh kepada undang-undang	
		3. Hormat kepada raja dan negara	8. Patuh kepada ketetapan masa	
		4. Patuh kepada hak asasi	9. Menghargai kebijaksanaan, pengalaman dan jasa	
		5. Hormat kepada kepercayaan dan adat resam pelbagai keturunan	10. Menghargai tenaga pekerja	
			11. Menghargai maruah diri	

5. Kasih sayang	1. Sayang kepada nyawa 2. Sayang kepada alam sekeliling	3. Cinta kepada negara 4. Cinta kepada keamanan dan keharmonian
6. Keadilan	1. Adil	2. Saksama
7. Kebebasan	1. Kebebasan di sisi undang-undang	2. Kebebasan dalam sistem demokrasi
8. Keberanian	1. Berani dengan tidak membuta tuli 2. Berani kerana benar	3. Berani mempertahankan pendirian 4. Berani bertanggungjawab
9. Kebersihan dari segi fizikal dan mental	1. Kebersihan diri 2. Kebersihan persekitaran	3. Pertuturan dan kelakuan yang sopan 4. Pemikiran yang sihat dan membina
10. Kejujuran	1. Amanah	2. Bercakap benar 3. Ikhlas
11. Kerajinan	1. Cekal 2. Daya usaha	3. Dedikasi 4. Tekun 5. Gigih
12. Kerjasama	1. Persaudaraan 2. Tanggungjawab bersama	3. Gotong-royong 4. Toleransi 5. Kebaikan bersama 6. Perpaduan
13. Kesederhanaan	1. Sederhana dalam menimbangkan kepentingan diri dan kepentingan orang lain 2. Tidak keterlaluan dalam pertuturan dan tingkah laku	
14. Kesyukuran	1. Berterima kasih	2. Mengenang budi 3. Penghargaan
15. Rasional	1. Boleh membuat pertimbangan	2. Boleh membuat penaaakulan 3. Berfikir logik dan terbuka
16. Semangat Bermasyarakat	1. Bermuafakat 2. Kejiranan	3. Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat

3.4 Semakan kurikulum Pendidikan Moral KBSR dan KBSM

Semakan kurikulum Pendidikan Moral KBSR dan KBSM mula dilaksanakan pada tahun 2003. Semakan ini dilakukan kerana perubahan pada dasar pendidikan negara yang dipengaruhi oleh aspirasi Wawasan 2020, pengenalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan penggubalan Akta Pendidikan 1996. Antara kelemahan ketara yang dikenal pasti adalah dari segi aspek penilaian mata pelajaran moral yang hanya memfokuskan domain pengetahuan moral. Pendidikan Moral adalah satu mata pelajaran yang subjektif dan mengukurnya secara objektif adalah satu cabaran utama pada masa itu (Vishalache, 2004a). Maka dalam semakan kurikulum, aspek kandungan dimurnikan, aspek pedagogi dimantapkan serta format penilaian ditambah baik supaya dapat memenuhi matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral. Selain itu, pengulangan nilai yang sangat kerap dan pendedahan nilai yang terlalu banyak iaitu sejumlah 80 nilai (16 nilai utama dan 64 sub-nilai untuk sekolah menengah) menjadi masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Chang, 2010). Ketiga, penglibatan aktif Kementerian Pendidikan Malaysia dalam bengkel serta mesyuarat UNESCO berkaitan cabaran global bagi menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21 juga mempengaruhi Pusat Perkembangan Kurikulum (sekarang dikenali sebagai Bahagian Perkembangan Kurikulum) untuk menggubal kurikulum bagi kesemua mata pelajaran bermula pada tahun 2000 (Chang, 2010; Vishalache, 2010). Jadual 2 memperincikan tentang perubahan kurikulum yang berlaku pada tahun 2003.

Jadual 2: Pemurnian Semakan Kurikulum Pendidikan Moral

Cabaran dan Kelemahan KBSR 1983/KBSM 1989	Penambahbaikan/Pemurnian Semakan Kurikulum Pendidikan Moral 2003
Pengenalan nilai yang terlalu banyak (16 nilai utama dan 64 sub-nilai)	Pengurangan nilai Sekolah Rendah – 5 bidang (24 nilai) Sekolah Menengah – 7 bidang (36 nilai)
Ke arah pendidikan abad ke-21	Tumpuan diberikan kepada isu-isu global, hak asasi dan alam sekitar
Penilaian yang sangat objektif (Pengetahuan Moral)	Format peperiksaan yang baru di peringkat SPM dimana Kertas 1 (Ujian Bertulis) menguji isu-isu moral dan Kertas 2 (Kerja Kursus) yang dinilai berdasarkan kepada amalan yang dilaksanakan oleh murid (subjektif).

Perlaksanaan semakan kurikulum membawa cabaran yang baru kepada guru-guru Pendidikan Moral di seluruh negara. Semakan kurikulum ini dimulakan secara berperingkat-peringkat bermula dari Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 pada tahun 2003. Kurikulum ini digunakan secara sepenuhnya dari Tahun 1 hingga ke Tingkatan 5 pada tahun 2005. Sementara itu, penggubalan kurikulum ini memberi penekanan kepada perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Teori karakter Lickona mendasari penggubalan kurikulum ini di mana ia adalah suatu transformasi yang positif dalam perkembangan kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia. Walaupun pembelajaran adalah mengikut nilai-nilai murni, namun ia telah dibahagikan mengikut bidang masing-masing. Hal ini menjadikan susunan nilai dilihat lebih sistematik dan teratur. Jadual 3 menunjukkan secara jelas tentang pembahagian bidang serta nilai-nilai murni di dalam Semakan Kurikulum Pendidikan Moral 2003.

Jadual 3: Pembahagian Bidang dan Nilai

Semakan Kurikulum Pendidikan Moral 2003	Semakan Kurikulum Pendidikan Moral 2003
<u>Bidang 1</u> <i>Nilai berkaitan dengan Perkembangan Diri</i>	<u>Bidang 1 :</u> <i>Nilai berkaitan dengan Perkembangan Diri</i>
1. Kepercayaan kepada Tuhan	1. Kepercayaan kepada Tuhan
2. Kebersihan Fizikal dan Mental	2. Amanah
3. Harga Diri	3. Harga Diri
4. Kerajinan	4. Bertanggungjawab
5. Hemah Tinggi	5. Hemah Tinggi
6. Kasih Sayang	6. Toleransi
7. Kesederhanaan	7. Berdikari
8. Kejujuran	8. Kerajinan
9. Baik Hati	9. Kasih Sayang
10. Berterima Kasih	10. Keadilan
	11. Rasional
	12. Kesederhanaan
<u>Bidang 2</u> <i>Nilai berkaitan dengan Diri dan Keluarga</i>	<u>Bidang 2</u> <i>Nilai berkaitan dengan Kekeluargaan</i>
1. Kasih Sayang terhadap Keluarga	1. Kasih Sayang terhadap Keluarga
2. Hormat dan Taat kepada Anggota Keluarga	2. Hormat dan Taat kepada Anggota Keluarga
3. Tanggungjawab terhadap Keluarga	3. Tanggungjawab terhadap Keluarga
	4. Mengekalkan Tradisi Kekeluargaan
<u>Bidang 3</u> <i>Nilai berkaitan dengan Diri dan Masyarakat</i>	<u>Bidang 3</u> <i>Nilai berkaitan dengan Alam Sekitar</i>
1. Tanggungjawab terhadap Masyarakat	1. Menyayangi dan Menghargai Alam Sekitar
2. Toleransi dalam Masyarakat	2. Keharmonian antara Manusia dan Alam Sekitar
3. Semangat Bermasyarakat	3. Kemapanan Alam Sekitar
4. Peka terhadap isu-isu Sosial	4. Peka terhadap isu-isu Alam Sekitar
<u>Bidang 4</u> <i>Nilai berkaitan dengan Diri dan Alam Sekitar</i>	<u>Bidang 4</u> <i>Nilai berkaitan dengan Patriotisme</i>
1. Kebersihan dan Keindahan Persekitaran	1. Cinta Akan Negara
2. Menyayangi Alam Sekitar	2. Taat dan Setia kepada Raja dan Negara
3. Peka terhadap isu Alam Sekitar	3. Berkorban untuk Negara
<u>Bidang 5</u> <i>Nilai berkaitan dengan Diri dan Negara</i>	<u>Bidang 5</u> <i>Nilai berkaitan dengan Hak Asasi Manusia</i>
1. Hormat dan Setia kepada Pemimpin, Raja dan Negara	1. Melindungi Hak Kanak-Kanak
2. Patuh kepada Peraturan dan Undang-Undang	2. Menghormati Hak Wanita
3. Cinta akan Negara	3. Melindungi Hak Pekerja
4. Keamanan dan Keharmonian	4. Menghormati Hak Golongan Kurang Berupaya
	5. Melindungi Hak Pengguna
	<u>Bidang 6</u> <i>Nilai berkaitan dengan Demokrasi</i>
	1. Mematuhi Peraturan dan Undang-Undang
	2. Kebebasan Bersuara
	3. Kebebasan Beragama
	4. Penglibatan Diri dalam Pembangunan Negara
	5. Sikap Keterbukaan
	<u>Bidang 7</u> <i>Nilai berkaitan dengan Keamanan Dan Keharmonian</i>
	1. Hidup Bersama Secara Aman
	2. Saling Membantu dan Bekerjasama
	3. Saling Menghormati antara Negara

Selaras dengan peredaran masa dan perubahan yang pesat dalam bidang pendidikan, perubahan dalam sistem pendidikan Malaysia mula wujud bagi membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006). Matlamat utamanya adalah bagi memastikan murid-murid menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi serta penerapan nilai. Maka satu kurikulum dirancang bagi memastikan kurikulum yang holistik dan sentiasa relevan bagi melahirkan modal insan seimbang yang dapat menangani cabaran semasa dan cabaran masa depan.

3.5 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mula dilaksanakan secara berperingkat pada tahun 2011 melibatkan murid Tahun 1. Perubahan secara holistik yang berlaku merangkumi aspek perubahan bentuk, organisasi, kandungan, pedagogi, peruntukan masa, kaedah pentaksiran, bahan dan pengurusan kurikulum di sekolah. Rentetan itu, KSSR digubal

berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Dasar Pendidikan Kebangsaan, Wawasan 2020, Rangka Rancangan Jangka Panjang, Cabaran abad ke-21, Model Baru Ekonomi (MBE), teori pembelajaran dan *4 Pillars of Education* (UNESCO). Maka tiga elemen ditambah dalam kurikulum standard iaitu elemen kreativiti dan inovasi, elemen keusahawanan serta elemen teknologi maklumat dan komunikasi.

KSSR Pendidikan Moral 2011 memfokuskan tiga domain utama iaitu penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Antara perubahan yang jelas berlaku adalah murid mempelajari setiap topik mengikut tema dan bukan lagi mengikut nilai. Bagi peringkat sekolah rendah, murid-murid belajar satu tema setiap tahun dengan menggunakan 14 nilai universal yang berulang mengikut tema. Berikut adalah tema-tema mengikut tahun bagi peringkat sekolah rendah:

- Tema 1 - Diri Saya (Tahun 1, 2011)
- Tema 2 - Saya dan keluarga (Tahun 2, 2012)
- Tema 3 - Saya dan Sekolah (Tahun 3, 2013)
- Tema 4 - Saya dan Jiran (Tahun 4, 2014)
- Tema 5 - Saya dan Masyarakat (Tahun 5, 2015)
- Tema 6 - Saya dan Negara (Tahun 6, 2016).

Tahap penguasaan murid ditaksir dengan menggunakan kaedah pentaksiran bilik darjah (PBD) bagi setiap standard pembelajaran. Sehubungan dengan itu, pentaksiran ini adalah bersifat autentik dan holistik. Pada tahun 2017, wujud dua perkembangan positif Pendidikan Moral di Malaysia iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula diperkenalkan di sekolah menengah dan pelaksanaan Semakan Kurikulum KSSR yang diperkenalkan di sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

3.6 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula secara berperingkat pada tahun 2017 bermula dari Tingkatan 1. Matlamat utama KSSM adalah untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan kepada prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Tiga domain utama yang difokuskan adalah penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Domain-domain ini amat penting bagi mendorong murid membuat pertimbangan moral yang tepat dan konsisten. Topik-topik mengikut tema disusun dengan mengaplikasikan 18 nilai universal iaitu nilai kepercayaan kepada Tuhan, bertanggungjawab, berdikari, harga diri, kerajinan, berterima kasih, patriotisme, kebebasan, keberanian, kejujuran, rasional, baik hati, hemah tinggi, hormat, kasih sayang, kerjasama, kesederhanaan dan toleransi.

Tema-tema ini dibahagikan kepada 7 bidang dimana murid mempelajari bidang 1 hingga bidang 4 di peringkat menengah rendah (Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3). Seterusnya, murid-murid ini mempelajari bidang 5 hingga bidang 7 di peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5). Jadual 4 menunjukkan bidang pengajaran mengikut tingkatan.

Jadual 4: Bidang Pengajaran KSSM Pendidikan Moral

Bil.	Bidang	Tingkatan
1.	Pengenalan Moral	▪ Tingkatan 1
2.	Diri, Keluarga dan Persahabatan	▪ Tingkatan 2
3.	Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat	▪ Tingkatan 3
4.	Moral, Peraturan dan Undang-Undang	
5.	Insan Bermoral	▪ Tingkatan 4
6.	Jati Diri Moral	▪ Tingkatan 5
7.	Moral dan Kenegaraan	

Selain daripada kaedah pentaksiran bilik darjah (PBD), guru-guru juga harus menyesuaikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) dengan kemahiran abad ke-21, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) serta strategi pembelajaran yang menggalakkan pembelajaran aktif dan interaktif seperti Pembelajaran Aktif, Pembelajaran Berasaskan Penyelesaian Masalah, Pembelajaran Khidmat Masyarakat dan Pembelajaran Berasaskan Projek. Sebanyak 32 jam diwajibkan kepada murid-murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 agar dapat memastikan ketiga-tiga domain ini diterapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran aktiviti luar (ALPdP). Ini sudah tentu membantu murid mencapai tahap penguasaan yang baik dengan melibatkan domain penaakulan moral, domain emosi moral dan domain perlakuan moral.

3.7 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Satu lagi perkembangan Pendidikan Moral adalah pelaksanaan Semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 2017. Semakan kurikulum ini mula dilaksanakan secara berperingkat bermula dari Tahun 1. Berikut adalah tema-tema mengikut tahun bagi peringkat sekolah rendah:

Tema 1-Diri Saya (Tahun 1, 2017)

Tema 2-Saya dan keluarga (Tahun 2, 2018)

Tema 3-Saya dan Sekolah (Tahun 3, 2019)

Tema 4-Saya dan Jiran (Tahun 4, 2020)

Tema 5-Saya dan Masyarakat (Tahun 5, 2021)

Tema 6-Saya dan Negara (Tahun 6, 2022)

Kurikulum ini digubal bagi memastikan kesinambungan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 selain memastikan standard pendidikan di peringkat sekolah rendah adalah setanding dengan standard antarabangsa. Domain-domain Semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Moral telah diseragamkan dengan domain-domain Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Murid-murid masih mempelajari satu tema setiap tahun seperti tema-tema dalam Semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 2011 dengan menggunakan 14 nilai universal iaitu nilai kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan dan toleransi ditambah baik. Buku teks baru sebagai bahan sokongan diterbitkan bagi memastikan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral Semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 dicapai untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan kepada prinsip moral. Seterusnya, dapat menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

4. Isu dan Cabaran

Pendidikan Moral sudah berkembang secara konsisten lebih kurang empat dekad dalam sistem pendidikan di Malaysia. Terdapat pelbagai isu serta cabaran yang dihadapi oleh semua pemegang taruh (*stake holders*) yang terlibat aktif dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Moral.

Isu dan cabaran setiap kurikulum iaitu Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), Semakan kurikulum Pendidikan Moral KBSR dan KBSM, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 2017 akan dibincangkan secara jelas. Hal ini merangkumi aspek kandungan kurikulum, pedagogi, pentaksiran, sumber sokongan pembelajaran dan guru sebagai pelaksana kurikulum.

4.1 Aspek Kandungan Kurikulum

Vishalache (2010) mengesan tiga cabaran utama yang wujud pada awal pengenalan mata pelajaran Pendidikan Moral. Pertama, pengulangan antara nilai menjadi cabaran dalam proses penyampaian kandungan mata pelajaran. Kedua, penjelasan nilai yang kurang memberi kesan terhadap sosio-budaya yang dibawa oleh murid ke dalam kelas menjadi masalah utama bagi guru mengajar nilai-nilai yang kerap diulang. Ketiga, cabaran-cabaran ini telah menggambarkan mata pelajaran Pendidikan Moral sebagai sangat statik dan menerima keluhan daripada murid dan ibu bapa.

Terdapat juga beberapa isu yang wujud berkaitan dengan kandungan kurikulum Pendidikan Moral. Antaranya, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) memperkenalkan terlalu banyak nilai kepada murid yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral. Perkara ini telah melahirkan satu budaya yang menghafal nilai semata-mata untuk memperolehi gred yang baik dalam mata pelajaran ini. Akibat daripada penularan trend ini, mata pelajaran Pendidikan Moral dilihat amat sukar bagi calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Senario ini bertentangan dengan matlamat Pendidikan Moral yang telah ditetapkan. Bagi mengatasi isu dan cabaran tersebut, penyusunan nilai mengikut bidang dalam Semakan Kurikulum 2003 telah membantu mengatasi kelemahan pengulangan nilai di dalam kurikulum asal (Kogindran, 2014). Pengurangan nilai daripada 80 nilai kepada 36 nilai juga dilihat secara positif oleh para guru dan murid (Kogindran, 2014). Isu-isu moral atau dilema moral yang terkini telah memantapkan lagi kandungan semakan kurikulum kerana murid mula menghayati nilai dan bukan lagi hanya menumpukan kepada proses menghafal nilai semata-mata. Teori Karakter Lickona yang mendasari semakan kurikulum dilihat memantapkan kandungan kurikulum ini.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula dilaksanakan pada tahun 2011 juga disemak semula pada tahun 2017 bagi memastikan kurikulum ini selari dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan mencapai standard antarabangsa. Kandungan kurikulum KSSR dan KSSM sudah memasuki tahun ke-5 dan masih tidak kelihatan cabaran atau isu berkaitan kandungan kurikulum standard ini.

4.2 Pengajaran dan Pemudahcaraan

Sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam bilik darjah melibatkan tiga elemen utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Ketiga-tiga elemen ini selari dengan domain kurikulum Pendidikan Moral yang menitikberatkan domain pengetahuan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Vishalache (2010) dalam kajiannya membincangkan tentang faktor pengajaran dan pembelajaran sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi perkembangan kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia.

Antara cabaran utama yang sering dihadapi dalam pengajaran dan pemudahcaraan adalah dari segi aspek penyampaian isi kandungan dengan menggunakan kaedah, strategi pembelajaran dan teknik pengajaran yang efektif (Nadarajan, 2019; Thambu, Prayitno & Zakaria, 2020). Hal ini disebabkan mata pelajaran ini lebih memfokuskan teknik menghafal berbanding dengan menghayati setiap unit pembelajaran. Ini disokong oleh kajian Abd. Shatar (2007) iaitu kaedah pengajaran Pendidikan Moral yang dilaksanakan oleh guru juga mementingkan hafalan nilai murni dengan menggunakan buku teks dan huraian sukatan pelajaran. Menurut See Tho (2008) dalam kajiannya mendapati bahawa guru memberitahu murid jika gagal menghafal nilai, maka mereka berpotensi untuk gagal dalam peperiksaan. Penekanan teknik menghafal ini wujud kerana peperiksaan diberi fokus utama di sekolah.

Selanjutnya, cabaran kedua dalam pengajaran dan pemudahcaraan Pendidikan Moral adalah penguasaan pengetahuan dan kandungan yang lemah dalam kalangan guru yang juga dikenali sebagai pelaksana kurikulum. Sekiranya guru gagal mengenali pengertian moral, maka amat sukar bagi seseorang guru itu untuk mengajar Pendidikan Moral (Abdul Rahman, 1986). Menurut Zakaria (2011), pemahaman tentang konsep dan fungsi pengajaran dan pembelajaran memudahkan seseorang guru dalam menyampaikan pelajaran dalam bentuk yang mudah difahami oleh murid.

Kelas gabungan juga menjadi cabaran kepada proses penyampaian di dalam bilik darjah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kelas gabungan wujud bagi tujuan menyelaraskan waktu pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan Pendidikan Islam yang memberi kesan kepada keperluan guru yang lebih ramai (Suppiah, Barathy & Sandra, 2017). Guru yang menjadi bidang terjun ini menggunakan kaedah tradisional misalnya *chalk and talk* dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Moral. Pengajaran Pendidikan Moral secara naratif atau bercerita tanpa melibatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), menjadikan pelajar bosan dan tidak menumpukan perhatian kepada pengajaran guru (Nadarajan, Noor Banu, & Muhammad Atiullah, 2018).

4.3 Pedagogi

Kelemahan penguasaan ilmu pedagogi memberi kesan kepada kualiti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Moral. Menurut kajian Noor Banu (2008), persediaan guru adalah pada tahap yang tidak memuaskan. Hal ini mengakibatkan segelintir guru yang hanya membaca isi kandungan dalam buku teks dan sebilangan guru yang menggunakan waktu Pendidikan Moral untuk mengajar mata pelajaran yang lain (Suppiah, Barathy & Sandra, 2017).

Kepelbagaikan kaedah pengajaran merupakan cara yang paling efektif untuk mengatasi masalah PdPc Pendidikan Moral. Penyelidikan dan inovasi yang berterusan dalam bidang Pendidikan Moral memberi peluang kepada guru untuk merancang dengan menggunakan strategi yang sesuai, terkini dan teknik yang menarik (Nadarajan, 2017). Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa suasana pembelajaran Pendidikan Moral akan menjadi lebih aktif dan bermakna sekiranya strategi pengajaran dan pembelajaran yang menarik berjaya diaplikasikan oleh seseorang guru. Dalam pada itu, Nadarajan dan Vishalache (2014) mendapati bahawa pengurusan teater forum merupakan salah satu kaedah yang interaktif dalam PdPc Pendidikan Moral yang mendorong pelajar mengolah skrip, berdialog, terlibat dalam forum, berlakon dan meluahkan idea. Menurut Nadarajan (2016), teknik ini dapat mencungkil unsur niat moral dalam kalangan murid. Unsur niat moral adalah suatu elemen yang penting bagi membantu murid untuk mengambil keputusan moral yang tepat. Pembelajaran aktif begini mendorong murid mengambil bahagian secara aktif di dalam kelas serta meningkatkan minat, pencapaian serta motivasi mereka.

Menurut Vasanthan, Nadarajan dan Chander (2019), aktiviti menonton dan menganalisis filem pendek merupakan satu teknik pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang efektif bagi Pendidikan Moral di dalam bilik darjah. Teknik pembelajaran ini mampu mencungkil sensitiviti moral di mana ini menjadi aspek utama dalam memupuk kesedaran serta membuat pertimbangan dalam menyelesaikan sesuatu konflik atau dilema moral. Bagi memperkasakan amalan nilai murni terhadap murid di sekolah, sensitiviti moral merupakan unsur yang perlu diterapkan dalam pengajaran Pendidikan Moral (Bebeau, 2002).

Kelas berbalik (*flipped classroom*) merupakan satu pendekatan yang relevan dalam pembelajaran abad ke-21 (Mohd. Amin, 2013). Flumerfelt dan Green (2013) berpendapat bahawa kelas berbalik (*flipped classroom*) merupakan satu bentuk pedagogi moden yang perlu menjadi pilihan guru dalam proses pengajaran. Pendekatan kelas berbalik (*flipped classroom*) juga mempunyai potensi yang baik dalam membantu sesi pembelajaran Pendidikan Moral. Sasitharan (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa pendekatan ini dapat mengembangkan aspek pemikiran, emosi dan amalan pelajar praperkhidmatan (GPP) di Insititut Pendidikan Guru. Oleh sebab pendekatan kelas berbalik memberikan implikasi yang positif, maka ia mendorong guru-guru Pendidikan Moral di sekolah untuk menggunakan pendekatan ini dalam pengajaran mereka.

4.4 Pentaksiran dan Penilaian

Kaedah pentaksiran dan penilaian memainkan peranan yang penting dalam menilai keberkesanan sesuatu kurikulum. Boleh dikatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran yang subjektif di mana ia memerlukan satu kaedah pentaksiran yang ideal dalam menilai murid.

Selain itu, disebabkan Pendidikan Moral adalah mata pelajaran yang wajib bagi calon-calon bukan Islam, maka, calon-calon bukan Islam wajib mengambil kertas Pengetahuan Moral dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1993. Kertas Pengetahuan Moral hanya menguji aspek kognitif pada masa itu. Ini memberi kesan kepada pengajaran Pendidikan Moral yang berpusatkan peperiksaan. Menurut Vishalache (2009), guru memberi keutamaan dalam aspek kognitif dan tidak mengendahkan aspek emosi dan perlakuan moral.

Kaedah penilaian di dalam Semakan Kurikulum Pendidikan Moral 2003 ditambah baik dengan pengenalan Kertas 1 (Ujian Bertulis- 1225/1) dan Kertas 2 (Kertas 2 – 1225/2) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pengenalan kerja kursus sebagai Kertas 2 Pendidikan Moral bagi calon-calon Pendidikan Moral SPM 2004 dilihat sebagai satu usaha bagi memastikan ketiga-tiga domain Pendidikan Moral diberi keutamaan. Murid-murid ini harus menulis laporan esei mengikut tema moral yang diberikan oleh guru dan empat laporan aktiviti moral yang dilakukan oleh murid-murid ini. Penulisan esei dan penghasilan laporan ini memberi peluang kepada murid untuk menganalisis serta mengaplikasikan nilai-nilai yang dipelajari didalam bilik darjah. Namun, terdapat beberapa cabaran yang wujud. Pertama, guru-guru menghadapi kesukaran membimbing murid dalam menghasilkan kerja kursus yang berkualiti kerana kekangan masa. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah difokuskan kepada kandungan isi pelajaran dan ini menyebabkan murid tidak berminat untuk menghasilkan kerja kursus yang baik. Kedua, motivasi murid juga terjejas kerana penjelasan tentang markah kerja kursus tidak dinyatakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dengan jelas. Hal ini berbeza dengan mata pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang lain seperti Pendidikan Seni Visual (PSV) di mana murid bermotivasi untuk menghasilkan kerja kursus yang berkualiti kerana pengagihan markah yang sangat jelas diberikan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

Pentaksiran di peringkat Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pula dimantapkan mengikut standard yang ditetapkan. Bagi peringkat menengah rendah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3), 32 jam telah diperuntukkan setiap tahun bagi melaksanakan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (ALPdP). Rasional aktiviti ini adalah bagi memberi ruang dan peluang kepada guru serta murid dalam memberi penekanan kepada ketiga-tiga domain iaitu pengetahuan moral, emosi moral dan perlakuan moral (Hie, et al.; Isnen, 2019; KPM, 2015). Pelaksanaan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (ALPdP) juga memberi peluang kepada murid untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran serta menguasai standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Selain membantu proses pentaksiran, aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (ALPdP) juga membantu murid menggunakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam melaksanakan aktiviti yang disediakan. Namun, terdapat beberapa cabaran yang wujud. Pertama, kekurangan tenaga pengajar menyukarkan guru untuk menjalankan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (ALPdP). Kedua, pendedahan tentang pelaksanaan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (ALPdP) juga kurang memberangsangkan. Ketiga, kekangan dari segi kewangan dimana tiada sebarang peruntukan yang diberikan oleh pihak berkepentingan dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (ALPdP) ini (Vijaya & Vishalache, 2020). Aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (ALPdP) mampu memudahkan proses pentaksiran di peringkat menengah rendah jika diberi perhatian khusus dan seterusnya isu-isu yang dinyatakan sebelum ini dapat ditangani.

Murid menengah atas tidak terikat dengan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (ALPdP) tetapi format peperiksaan yang baru diperkenalkan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2021. Dalam format yang baru ini, kerja kursus telah dihapuskan dan digantikan dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Oleh hal yang demikian, tumpuan penuh guru-guru sudah tentu ke arah berorientasikan peperiksaan. Latih tubi dan fokus guru hanya bertumpu kepada domain pengetahuan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seperti mana berlaku pada tahun 1993 hingga 2002. Isu yang timbul disini adalah agak serius di mana domain-domain utama mata pelajaran Pendidikan Moral tidak dinilai dengan sewajarnya. Vishalache dalam satu artikel akhbar *The Star* pada 21 Februari 2021 mengenai "*The regression in Moral Education*" menegaskan supaya isu ini diberi perhatian serius oleh pihak berkaitan. Sehubungan dengan itu, penilaian berpusat menggunakan format ini sudah pasti akan membantutkan lagi usaha untuk mencapai matlamat kurikulum Pendidikan moral bagi melahirkan insan yang berakhlak mulia dan berintergriti.

4.5 Sumber Sokongan Kurikulum

Buku teks merupakan satu sumber sokongan yang disalurkan kepada para guru dan murid bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Jika kita lihat buku teks yang dihasilkan semasa pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 1983 dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) 1989, kita dapat lihat budaya tempatan dan masyarakat tempatan ditonjolkan dalam setiap unit pembelajaran. Bagi semakan kurikulum 2003, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 2011, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) 2017 serta Semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Buku Teks menerbitkan buku-buku teks sebagai sumber sokongan kurikulum.

Namun, beberapa cabaran dihadapi oleh para guru pada awal pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 1983 dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) 1989. Kekurangan guru-guru opsyen Pendidikan Moral,

isi kandungan yang sukar difahamkan dan penggunaan buku teks sahaja masih tidak mampu untuk membantu sesi pengajaran guru-guru. Kekurangan sumber-sumber lain seperti buku aktiviti, buku rujukan dan modul tambahan menyukarkan keadaan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pada awal pelaksanaan Semakan Kurikulum 2003, cabaran utama bagi guru Pendidikan Moral adalah bagi mendapatkan bahan sokongan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Menurut Kogindran (2014), guru-guru masih kabur semasa menggunakan buku teks pada awal pelaksanaan Semakan Kurikulum 2003 kerana guru-guru kurang didedahkan tentang panduan penggunaan buku teks secara spesifik. Walaupun Institut Perguruan Guru (IPG) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mula melahirkan guru opsyen Pendidikan Moral, namun kekurangan ini masih menghantui kelancaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Moral. Dalam konteks ini, penggunaan kaedah Teater Perbincangan Dilema Moral dalam melaksanakan kandungan kurikulum Buku Teks Pendidikan Moral oleh Nadarajan, Aminah dan Sukadari (2021) telah sedikit sebanyak memberikan nilai tambah kepada penggunaan Buku Teks dalam kalangan guru. Kemudahan akses teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang masih baru dan terhad juga merupakan suatu cabaran bagi guru dan murid. Jika kita melihat perkembangan 10 tahun lepas, semenjak semakan kurikulum mula dilaksanakan, kajian mendapati guru hanya menggunakan buku teks sebagai bahan bantu mengajar (BBM) utamamereka. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) masih tidak efektif disebabkan kekangan masa, tenaga dan wang yang dihadapi oleh guru (Jasmi, Ilias, Tamuri dan Hamzah, 2011).

4.6 Guru

Guru sebagai pelaksana kurikulum memainkan peranan penting dalam melaksanakan proses penyampaian isi kandungan Pendidikan Moral. Kekurangan guru opsyen Pendidikan Moral masih berlarutan sehingga kini. Ini merupakan satu cabaran utama yang perlu diselesaikan bagi memastikan matlamat Pendidikan Moral dapat dicapai.

Guru Pendidikan Moral harus mempunyai asas ilmu pengetahuan dan kemahiran yang baik bagi melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Moral (Abdul Rahman, 1986). Sementara itu, kekurangan bengkel bagi memantapkan pedagogi guru juga merupakan satu cabaran bagi guru. Suppiah, Barathy dan Sandra (2017) dalam kajiannya mencadangkan supaya kursus dan bengkel yang kerap harus dijalankan bagi membantu guru dalam menyampaikan pengajaran dengan lebih efektif. Tumpuan haruslah diberikan dalam aspek pedagogi seperti kepelbagaian pendekatan, teknik serta kaedah untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral.

5. Perbincangan

Pendidikan Moral adalah satu mata pelajaran yang penting dalam melahirkan modal insan yang terbilang pada masa hadapan. Perjalanan yang dilalui selama 40 tahun ini harus dilihat secara positif dan kajian-kajian harus terus dilakukan supaya mata pelajaran ini mampu memberi impak kepada generasi akan datang.

Kandungan kurikulum Pendidikan Moral terus berkembang daripada pembelajaran berasaskan nilai kepada pembelajaran berasaskan tema dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Ini adalah suatu yang positif di mana memberi ruang kepada murid mengaplikasikan nilai-nilai universal serta dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Namun, kita juga harus mengambil kira aspek-aspek lain khususnya aspek pedagogi guru. Guru Pendidikan Moral perlu sentiasa bermotivasi tinggi untuk menambahbaik kaedah pengajarannya. Sesi pembelajaran yang menarik mampu memberi kesan positif terhadap keberhasilan murid. Guru harus tabah menghadapi cabaran abad ke-21 dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan efisien serta harus menjadi model inspirasi kepada murid-murid.

Guru Pendidikan Moral juga harus mengaplikasikan nilai kreativiti dan inovasi dalam pengajaran mereka. Ledakan teknologi maklumat membuka ruang seluas-luasnya bagi guru-guru mempelajari kemahiran-kemahiran yang dapat membantu pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Moral. Sebagai contoh, kita dapat melihat guru-guru Pendidikan Moral yang mahir menggunakan pelbagai sumber yang terdapat dalam bentuk bercetak dan digital dalam pengajaran mereka. Penggunaan aplikasi *YouTube*, *Google Meet* dan *Quizziz* merencanakan lagi sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Moral khususnya dalam era pandemik *Covid-19* ini. Penghasilan dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik sudah tentu dapat meningkatkan pengetahuan, minat dan motivasi murid untuk belajar secara aktif.

Dari segi sudut pentaksiran dan penilaian, sudah tiba masanya bagi proses transformasi pentaksiran yang lebih relevan yang dapat memenuhi kehendak matlamat Pendidikan Moral. Kita harus bersedia untuk mengalihkan pentaksiran dari penilaian sumatif ke penilaian formatif. Penilaian formatif lebih sesuai dalam menilai mata pelajaran yang subjektif seperti mata pelajaran Pendidikan Moral. Jika kita meneliti penilaian Pendidikan Moral di negara Jepun, penilaian yang digunakan adalah dalam bentuk penilaian formatif. Pendidikan Moral yang diamalkan di Jepun lebih kepada aktiviti harian yang dilakukan secara praktikal untuk memupuk nilai-nilai moral dalam kalangan murid. Contohnya, murid diminta membersihkan bilik darjah bersama-sama untuk mengeratkan kerjasama antara rakan sekelas (Lazim, 2005).

6. Kesimpulan

Mata pelajaran Pendidikan Moral harus terus maju ke hadapan untuk mendepani cabaran Pengajaran Abad ke-21. Penyelidikan dan Pembangunan (*research and development*) serta inovasi dalam aspek kandungan kurikulum serta pedagogi harus dilakukan seiring dengan perubahan zaman dan kehendak masyarakat. Kementerian Pendidikan Malaysia juga harus bersedia untuk mengkaji kandungan kurikulum supaya sentiasa relevan dan sentiasa berpegang kepada teori-teori perkembangan moral. Guru-guru juga harus terus memantapkan sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan menggunakan strategi yang terkini seperti kelas berbalik (*flipped classroom*), pembelajaran teradun (*blended learning*) dan pembelajaran aktif secara langsung dapat memantapkan lagi elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) secara holistik. Aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (ALPdP) harus diperkasa dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) harus memberi latihan dan menyalurkan sumber kewangan bagi pelaksanaan aktiviti ini. Pemerkasaan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (ALPdP) harus selari dengan aspirasi SULAM (*Service Learning Malaysia*) iaitu elemen penting dalam Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) yang merupakan lonjakan pertama di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) agar insan yang memiliki akademik dan akhlak dapat direalisasikan.

Rujukan

- Abdullah Ishak. (1992). *Islam di India, Nusantara dan China*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman, A. (1986). *Pengenalan Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Md. Aroff & Chang, L. H. (1994). *Siri pendidikan dinamika guru: Pendidikan moral*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Abdul Shatar Che Abd Rahman. (2007). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan 4 di sebuah sekolah*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Arasaratnam Sinappah. (1970). *Indians in Malaysia and Singapore*. London: Oxford University Press.
- Bajunid, I.A. (2008). *Malaysia from traditional to smart school; The Malaysian educational odyssey*. Shah Alam: Oxford-Fajar.
- Bebeau, M. (2002). The defining issues test and the four component model: Contributions to professional education. *Journal of Moral Education*, 31(3), 271-295.
- Chang, L. H. (2010). *An appraisal on the implementation of Moral Education for schools in Malaysia*. Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.
- Flumerfelt, S., & Green, G. (2013). Using lean in flipped classroom for at risk students. *International Forum of Educational Technology & Society*, 16(1), 356-366
- Hie, Y. H., Ku Hasnita, Zatul H. A., Mohd Daud A., & Adlina, A.H. (2018). Peranan guru sebagai agen sosialisasi dalam membentuk perpaduan kaum di sekolah. *AKADEMIKA*, 88(2), 95-108. Diakses daripada <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8802-07>
- Isnen, Mohd Suhaimin. (2019). *26 perkara baharu dalam sistem pendidikan Malaysia*. Diakses daripada <http://www.cikgusuhaimin.com/2019/10/23-perkara-baharu-dalam-sistem.html>
- Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Tamuri, A. H., & Hamzah, M. I. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59-74, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1979). *Laporan jawatan kuasa kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran 1979*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1983). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral sekolah rendah*. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1983). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral sekolah menengah*. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Bahagian Perkembangan Kurikulum, Putrajaya: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2011). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR tahun 1*. Bahagian Perkembangan Kurikulum, Putrajaya: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015a). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR Semakan Tahun 1*. Bahagian Perkembangan Kurikulum, Putrajaya: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015b). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM tingkatan 1*. Bahagian Perkembangan Kurikulum, Putrajaya: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairi Ariffin, Ramli Saadon, & Ismail Ali (2012). Kurikulum pelajaran vernakular Melayu di Tanah Melayu pada zaman kolonel British sehingga perang dunia kedua. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 18, 1-31.
- Kho, S. N., Chew C. K., Tan J.L., dan Chang P. K. (2011). Pembingkai isu pendidikan di Malaysia oleh sumber berita dan akhbar Cina. *Jurnal Komunikasi*, (27), 221-238.
- Kogindran. S. (2014). Satu penilaian kritis tentang perubahan kurikulum pendidikan Moral dan strategi pelaksanaannya. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak.
- Lazim, A.S. (2005). *Pengaruh Jepun terhadap bidang pendidikan di Tanah Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia (USM).
- Luqman Yusuf. (2000). *Keberkesanan sistem pengajian pondok: Satu kajian khusus mengenai pusat pengajian pondok, Bachok Kelantan dari Tahun 1984 Hingga 1997*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mohamed Amin, E. (2013). *Open educational resources in Malaysia higher learning institutions*. Center for Academic Advancement, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) & Department of Higher Education, Ministry of Higher Education.
- Mukherjee, H. (1983). Moral education in a plural society: Malaysia. *Journal of Moral Education*, 12(2), 125-130.
- Nadarajan Thambu, & Vishalache Balakrishnan. (2014). Pengurusan teater forum: Satu inovasi teknik dalam pedagogi pendidikan moral di sekolah menengah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(2), 38-51.
- Nadarajan Thambu. (2016). Unsur 'niat moral' dalam teater forum: Satu kajian tindakan di kelas Pendidikan Moral. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)*, 5, 1-14.
- Nadarajan Thambu. (2017). Kewajaran Pedagogi Kritis sebagai pedagogi Pendidikan Moral abad ke-21. Dalam Norazlan Hadi Yaacob, Syahrudin Azan Ngadmid, Zuraini Jamil@ Osman, & Noor Banu Mahadir Naidu (Eds.), *Literasi Pendidikan Moral: Esei sumbangsih untuk Prof. Dr. Chang Lee Hoon* (ms. 303- 322). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nadarajan Thambu. (2019). Pembelajaran Teradun: Tuntutan Pedagogi Alaf Baru. Dalam Nadarajan Thambu (ed.), *Pembelajaran teradun dalam Pendidikan Moral: Amalan untuk pensyarah dan guru* (pp.3-14). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Nadarajan Thambu, Aminah Abd.Rhapor & Sukadari. (2021). Teater Perbincangan Dilema Moral: Pendekatan Transformatif dalam melaksanakan kandungan kurikulum Buku Teks Pendidikan Moral. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(3), 1-17.
- Nadarajan Thambu., Noor Banu Mahadir Naidu., & Muhammad Atiullah Othman. (2018). *Pemeriksaan pedagogi kritis untuk menjana Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui teknik Teater Forum dalam kalangan murid Pendidikan Moral di sekolah menengah*. Monograf yang tidak diterbitkan,Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Noor Banu M. N. (2008). *Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Moral)*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. (Nota Kuliah).
- Rosnani, H. (2007). *Education in fostering a united and caring citizenship in Malaysia*. Dalam C. Tan dan K.-C. Chong (Eds.). *Critical perspectives on values education in Asia*, 83–97. Pearson / Prentice Hall.
- Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som. (1999). *Isu pendidikan di Malaysia: Sorotan dan cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- See Tho, L. Y. (2008). *Reflections on changing the mindset of a Moral Education*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sia, K.Y.(2005). *SRJK (Cina) dalam sistem pendidikan kebangsaan: Dilema dan kontroversi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suppiah Nachiappan, Barathy Sinnasamy, & Sandra Suffian (2017). Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah dan penyelesaian masalah melalui kaedah Hermeneutik. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*,7(2), 58-68.
- Tajul Ariffin Nordin. (1993). *Reformasi pendidikan dan keperluan masa depan dalam pendidikan era 2020 Tasawur dan strategi*. Kuala Lumpur: Percetakan Bintang Jaya.
- Thambu, N., Prayitno, H.J., & Zakaria, G.A.N. (2020). Incorporating Active Learning into Moral Education to Develop Multiple Intelligences: A Qualitative Approach. *Indonesian Journal on Learning and Advanced Education (IJOLAE)*, 3(1), 17-29. Doi: 10.23917/ijolae.v3i1.10064
- Vasanthan, Nadarajan & Chander. (2019). Kesedaran sensitiviti moral melalui aktiviti analisis filem pendek: Satu kajian tindakan di kelas Pendidikan Moral. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 9-19.
- Vijaya & Vishalache Balakrishnan.(2020). Aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di Malaysia: Satu pengenalan. *MIMBAR PENDIDIKAN: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*,5(2). Indonesia: Indonesia University of Education Press.
- Vishalache Balakrishnan. (2004a). *Project work in teaching Moral Education: A Malaysian review*.Association for Moral Education International Conference, Dana Point, California.
- Vishalache Balakrishnan. (2009). *Teaching moral education in secondary schools using real-life dilemmas*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. New Zealand: Victoria University of Wellington.
- Vishalache Balakrishnan. (2010). The development of moral education in Malaysia. *Asia Pacific: Journal of Educators and Education*,25, 89–101.
- Vishalache Balakrishnan. (2021, November 10). The regression in Moral Education. *The Star*.<https://www.thestar.com.my/news/education/2021/02/21/the-regression-in-moral-education>
- Zakaria, Z. (2011). *Guru Biologi permulaan dan berpengalaman: Satu kajian kes*.Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak.